

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 32(1) 2016: 1-21

ANALISIS ELEMEN PATUH SYARIAH DALAM FILEM NUR KASIH THE MOVIE (2011) BERDASARKAN TEORI FILEM AR-RISALAH

ROSMAWATI MOHAMAD RASIT & AZIMAH MISROM

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Pembikinan filem memberikan nilai kepada masyarakat. Berdasarkan teori filem ar-Risalah, filem yang bergenre keagamaan perlu menepati konsep akidah, ibadah, syariat dan akhlak Islam yang betul. Walaubagaimanapun konsep ini seharusnya sejajar dengan perbahasan patuh syariah yang dibawa ke arah penghasilan filem dakwah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana filem kajian menepati elemen patuh syariah berdasarkan teori filem ar-Risalah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis isi kandungan filem. Data filem dikutip menggunakan borang pengekodan dan borang penilaian makna serta dianalisis menggunakan analisis tema dan analisis naratif. Hasil kajian mendapati bahawa filem kajian mengandungi elemen-elemen patuh syariah berdasarkan teori filem ar-Risalah walaupun tidak secara keseluruhan.

Kata kunci: Patuh syariah, teori, filem, dakwah, keagamaan

NUR KASIH THE MOVIE (2011) AN ANALYSIS OF SYARIAH-COMPLIANT ELEMENTS BASED ON AR-RISALAH FILM THEORY

Abstract

Film making contributes values to the society. Based on Ar-Risalah film theory, religious genre films should conform with the rightful concept of Islamic faith, practices, laws and morals. Nevertheless, these concepts should be in line with the syariah-compliant debate that leads towards the production of da'wah films. Therefore, based on Ar-Risalah theory, the study aims to investigate the depth of syariah-

compliant elements in the selected film. The study utilised qualitative research design by using film content analysis approach. The film data were collected using coding and meaning evaluation forms and were analysed using thematic and narrative analyses. The research outcomes demonstrated that based on Ar-Risalah film theory, the film contains syariah-compliant elements despite not being entirely compliant.

Keywords: Syariah-compliant, theory, film, da'wah, religious

PENGENALAN

Filem merupakan antara cabang seni yang memberi impak kepada masyarakat. Pelbagai genre filem dihasilkan untuk menarik minat khalayak penonton. Filem juga boleh mengkomunikasikan nilai kepada masyarakat. Menurut Roy (1974) filem meluahkan sesuatu yang realiti dengan realiti dengan menggunakan bahasa metafora dalam bahasa filem. Oleh itu, filem adalah sebuah lakonan yang dilakukan secara realiti dalam menjawai sesebuah watak filem. Manakala Janet (2002) berpendapat bahawa kemunculan filem merupakan satu budaya teknologi pada akhir abad ke-19 yang telah memberi kesan kepada kumpulan pengeluar budaya, institusi dan penonton pada masa itu.

Rosmawati et al. (2012) menyatakan bahawa penontonan filem yang mengangkat aspek agama Islam berupaya memberi sumbangan ke arah tindakan yang positif. Hujah ini menyokong apa yang telah dibahaskan oleh Syed Zulkifli (2010) yang berpendapat bahawa penceritaan secara patuh syariah adalah munasabah dan sangat menarik untuk dijadikan ‘niche’ kepada penceritaan. Oleh itu penghasilan filem yang bercirikan patuh syariah mampu menjadi mekanisme penting ke arah melahirkan produk filem dakwah yang sebenar. Malahan, sejak akhir-akhir ini filem yang mengangkat nilai dan mesej Islam semakin mendapat tempat dalam pembikinan filem tanah air. Namun, sejauhmana filem yang mengangkat nilai keagamaan ini menepati konsep patuh syariah yang sebenar masih diperbahaskan. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana filem kajian menepati elemen patuh syariah berdasarkan teori filem ar-Risalah.

Patuh Syariah dalam Filem

Menurut Marina Munira et al. (2011) fitrah manusia yang cenderung kepada perkara baharu mendorong ramai penggiat seni menghasilkan jalan cerita dramatik dalam mempublisiti karya mereka. Jill (2007) pula menyatakan bahawa filem adalah medium yang indah dan luar biasa yang telah menjadi terlalu biasa. Walaupun khalayak terkejut dengan jalan cerita dan plot, namun mereka menjangkakan bahawa filem akan menghasilkan gambar dan jalan cerita yang bagus dengan menghidupkan watak-watak lakonan. Kajian Asiah (2009) membahaskan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kandungan nilai-nilai murni dan tidak murni dalam filem-filem tempatan serta persepsi khalayak terhadapnya. Menurut Syed Zulkifli (2010) penceritaan yang mematuhi syariah perlu melalui pembikinan filem yang penggayaan lakonan dan pemaparan pakaianya tidak melanggar syariah. Namun, kebanyakan filem atau drama tempatan yang berunsur islami cenderung memaparkan peranan golongan ustaz dan agamawan yang klise. Golongan ini biasanya diberikan peranan sebagai penghalau hantu dan jin, pembaca doa, mengimamkan solat dan menangkap orang berkhawlwat (Mohd Syukri 2012).

Dusuki (2011) berpendapat bahawa filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Filem atau drama merupakan wahana yang penting untuk menyampaikan dakwah yang juga merupakan salah satu wadah dalam mempertahankan syiar Islam. Syed Zulkifli (2010) turut menyatakan bahawa filem dan TV merupakan medium yang penting dan perlu dikuasai oleh orang Islam. Penghasilan produk filem dan TV yang baik serta penerapan nilai-nilai Islam di dalamnya mampu menarik minat dan memberi kesan yang positif kepada penonton. Cabaran menggariskan panduan filem patuh syariah mestilah bertepatan dengan genre dakwah yang disampaikan. Mustafa (2010) pula menegaskan bahawa penyediaan garis panduan penting untuk menentukan matlamat utama. Selain itu, patuh syariah dalam filem seharusnya mengikuti piawaian yang berteraskan Islam. Elemen patuh syariah mengajak sasaran menjauhkan diri daripada melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah SWT. Ab. Aziz (1997) menyatakan bahawa penonjolan contoh teladan yang baik dalam kehidupan harian

orang Islam merupakan satu perkara yang penting dalam dakwah. Hal ini kerana ia boleh menghilangkan perasaan prejedis dan negatif orang bukan Islam terhadap Islam. Oleh yang demikian, Abu Hassan (2009) berpendapat filem Melayu tidak boleh menjadi naskhah hiburan semata-mata atau komoditi perniagaan kerana filem turut berperanan menyebar elemen kebaikan supaya menjadi contoh.

Salasiah dan Muhamad Kasim (2014) turut menyatakan bahawa filem merupakan salah satu unsur hiburan yang terdapat di negara ini. Pelbagai genre filem dipertontonkan kepada masyarakat Malaysia sejak dahulu hingga kini. Namun, peranan filem turut melibatkan aspek etika dan moral bukan sekadar mengejar keuntungan sehingga mengabaikan nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran agama khususnya agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia. Menurut Syed Muhammad & Lutfi (2009) menjelaskan bahawa satu standard etika yang syumul dan menyeluruh amat diperlukan pada zaman ini bertujuan untuk mengawal dan menjadikan manusia lebih beradab. Lebih-lebih lagi dalam menjalankan dakwah. Nilai dan etika penting dalam menjalankan dakwah secara berhikmah.

Manakala menurut Jamaluddin et al. (2014) dengan kemasukan filem-filem daripada luar terutamanya Hollywood, industri perfilman tempatan terpaksa bergelut untuk merebut perhatian khalayak. Hal ini kerana memandangkan khalayak lebih menggemari filem daripada produksi luar berbanding tempatan. Rasdan (2013) turut menyatakan filem tempatan yang dihasilkan banyak meniru gaya serta perkembangan perfilman Barat terutamanya dari aspek sosiobudaya dan pemikiran terutamanya pergaulan pelakon lelaki dan wanita berbanding kualiti dan pengisian filem. Pergaulan antara pelakon lelaki dan wanita perlu mempunyai batas walaupun pelakon tersebut menjalankan tugasnya sebagai seorang pelakon. Dari aspek dialognya perlu kuat berbanding visualnya.

Justeru, Norman (2014) menyatakan bahawa sinema Islam yang menghasilkan filem yang berunsur Islami adalah relevan kerana melihat kepada genre itu sendiri sebagai satu institusi sosial

dan budaya. Apabila melihat hubungan cinema dan Islam boleh dilihat kepada konteks genre sebagai satu set atau satu sistem jangkaan-jangkaan formal. Ia juga merupakan satu bentuk jangkaan dan kepuasan yang diinginkan oleh penonton. Garis panduan filem yang menepati syariah mestilah berunsurkan elemen dakwah (Norman 2014). Naim (2011) pula berpendapat bahawa keperluan dan hukum drama tidak boleh mengatasi hukum agama. Nur Hazriani & Rosmawati (2014) turut membincangkan mengenai filem patuh syariah yang mampu menjadi sebagai wasilah dakwah. Oleh itu penggunaan filem untuk tujuan dakwah perlu memenuhi garis panduan syariah yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, penghasilan sesebuah filem yang patuh syariah bukan sahaja melihat kepada mesaj dakwah yang ingin disampaikan tetapi ia melihat kepada keseluruhan aspek dalam filem tersebut. Begitu juga Islam yang menitik beratkan keseluruhan aspek kehidupan manusia seperti akidah, syariat, ibadah dan akhlak maka di dalam filem juga perlu menitik beratkan aspek-apsek tersebut (Nur Hazriani & Rosmawati 2014).

Mohd Shukri (2012) menjelaskan bahawa penerbit memerlukan ilmu dalam membuat filem Islami. Penerbit Islam seharusnya menghasilkan filem yang memberi identiti dan cara hidup Islam dan bukan sekadar memenuhi hiburan semata-mata. Ainon (2011) menegaskan bahawa terdapat beberapa garis panduan untuk menghasilkan karya *hasanah*. Karya hasanah ialah karya yang baik dan mampu mendidik masyarakat serta memberi ilmu yang benar. Terdapat beberapa ciri-ciri karya yang tidak *hasanah* yang telah dibahaskan oleh Ainon (2011) seperti mempromosikan idea yang mengatakan tuhan tidak wujud, mengangkat idea yang tidak selaras dengan ajaran Al-Quran dan Hadis, mewujudkan kesan psikologi dan emosi yang menyebabkan timbul keinginan masyarakat mahu melakukan perkara yang dilarang dalam Al-Quran dan Hadis, memberi kemenangan moral kepada si pendosa iaitu watak yang melakukan perbuatan yang salah dan memberi status yang rendah kepada Islam manakala agama lain diberikan status yang tinggi dan mulia.

Filem yang bertemakan kemanusiaan yang mengangkat falsafah, puisi berunsurkan keislaman, bersandarkan hadis dan Al-Quran perlu diberi penekanan oleh para pembikin filem dari

Negara-negara Islam. Ab. Aziz (2007) menyatakan bahawa filem yang mengangkat tema sebegini berupaya memartabatkan kesucian Islam seterusnya dapat mengekang dakyah Barat yang menyerang dunia Islam melalui medium filem. Penghasilan karya yang berkualiti merupakan salah satu tanggungjawab sosial yang perlu diambil perhatian oleh para pembikin filem (Abd. Aziz 2007). Naim (2010) juga menyatakan filem yang baik secara langsung memberi kesan kepada pemikiran, jiwa, rohani dan perasaan penonton. Perkara terhasil daripada apa yang disebut sebagai ‘interaksi penonton dengan filem’ atau *mediated film* iaitu satu situasi di mana penonton fielm merasakan ia seolah-olah berada bersama di dalam filem yang sedang ditontoninya. Situasi inilah yang boleh menyebabkan seseorang itu menangis, hiba, rasa marah, insaf dan sebagainya ketika atau sesudah menonton.

TEORI KAJIAN


Abu Hassan (2006) telah mengemukakan teori mengenai filem sebagai *al-Risālah*. Risalah dapat difahami sebagai alat, medium dan media menyampaikan keadilan, keluhuran, kemanusiaan, kekudusan, ketakwaan dan keimanan kepada masyarakat, bukan sebagaimana yang difahami bahawa filem hanya hiburan semata-mata. Wayang gambar sebagai media yang menguasai pengaruh terbesar dalam abad ini, hendaklah dipercayai sebagai tenaga yang sangat berkuasa dalam mencipta kedudukan manusia. Lalu bagi sinema Melayu yang akidah dan akhlaknya adalah Islam hendaklah menjadi media yang menyampaikan atau sebagai al-Risalah di mana dramaturginya adalah proses mengukuhkan akidah, ibadat, *makarimul-akhlaq* dan syariat. Inilah tugas dan tanggungjawab dramaturgi filem Melayu dan sekiranya tugas ini gagal atau tidak dilaksanakan maka gagallah filem Melayu untuk menjadi naskah yang beriman (Abu Hassan 2006).

Abu Hassan (2000) menjelaskan;

Sifat filem yang sepatutnya menjadi penggerak kepada pembentukan sahsiah akal dan jasad manusia ditenggelami oleh tekanan dekadenn – filem akhirnya diertikan sebagai naskah hiburan dan amat jarang difahami sebagai teks risalah didaktikalogi kepada manusia. Bukanlah ada niat untuk mengapikan kejujuran sinema dalam

memperucapkan realiti dan menunjukkan keupayaan seni-sainsnya serta nilai estetika, falsafah dan artistik. Hal ini disebabkan semua kerja pereka ciptaan filem adalah suatu gerakan besar yang di dalamnya melibatkan keseluruhan kerja fakulti retorik dan keseluruhan sifat entimem retorik.

Rajah 1. Kerangka Teori Filem sebagai ar-Risalah



(Sumber: Diubah suai daripada Abu Hassan 2006)

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis kandungan. Analisis kandungan memilih filem Nur Kasih The Movie (2011) sebagai sampel kajian. Sampel dipilih menggunakan persampelan bertujuan yang menepati kriteria filem yang berunsurkan keagamaan (Islam) yang melalui syarat wajib tayang bagi filem Melayu serta ditayangkan di pawagam. Borang analisis kandungan yang terdiri daripada borang penilaian makna filem dan borang pengekodan tema dan kategori telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengumpulkan data kajian. Bagi borang penilaian makna filem, pengkaji telah menyenaraikan lapan makna penting bagi mendapatkan gambaran asas mengenai filem yang dikaji seperti tajuk filem, pengarah, penerbit, subjek dan cerita filem, watak dan perwatakan, cerita dan plot (kaitan, intensiti kesan dan keaslian cerita), struktur lakon layar filem (bahagian pengenalan, titik plot 1, bahagian pertentangan, titik plot 2 dan bahagian akhir) serta dialog. Manakala dalam borang pengekodan tema dan kategori, pengkaji telah menetapkan empat tema penting yang dilihat dalam sampel filem; paparan akhlak Islam, paparan ibadah dalam Islam, paparan akidah Islam, paparan syariat Islam.

Dalam kajian ini, pengkaji bergantung kepada pengumpulan data teks daripada sampel filem sebagai sumber data utama penyelidikan kualitatif. Bagi mendapatkan data, sampel filem ditonton dan dibuat analisis dengan memasukkan fakta-fakta ke dalam borang analisis isi kandungan – borang penilaian makna filem dan borang pengekodan kategori/tema. Filem ini ditonton sekurang-kurangnya dua kali bagi mendapatkan data makna teks seperti yang ditentukan dalam borang pengekodan makna. Tontonan pertama dilakukan untuk mendapatkan gambaran dan kesan keseluruhan filem tersebut manakala penontonan peringkat kedua dan seterusnya melibatkan proses pengekodan melalui pencerakinan dan kupasan isi kandungan filem bagi menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Manakala untuk memastikan makna data dirakam dengan tepat, proses pengumpulan data dilakukan sebaik sahaja setiap penontonan selesai. Bagi memastikan kesahihan makna, ulangan filem perlu dilakukan. Sampel filem yang dipilih ditonton dan dibaca berulang-ulang kali. Penganalisaan data hanya bermula setelah semua proses pengumpulan data selesai dilakukan. Penyelidik merupakan instrumen penting dalam pengumpulan data, proses penginterpretasian dan pengolahan naratif data.

Kajian ini bergantung kepada analisis data teks (audio dan visual filem) untuk mendapatkan data. Analisis dilakukan terhadap *scene* terpilih untuk melihat aspek nilai agama dan moralnya secara lebih mendalam. Dengan menggunakan analisis tema, pengkaji tidak melihat dari elemen tersurat (*manifest*) semata-mata iaitu hanya apa yang boleh dikira tetapi juga memfokuskan kepada elemen tersirat (*latent*) yang disampaikan di dalam sampel filem. Struktur naratif filem iaitu isi kandungan cerita dan cara penceritaan melalui cerita dan plot digunakan bagi mendalamai analisis yang dilakukan. Selain itu, watak dan perwatakan juga menjadi elemen utama yang dilihat dalam proses penganalisaan filem. Proses analisis ini menggunakan apa yang dicadangkan oleh Othman (2009) serta Zhang dan Wildemuth (2009) yang mana menjelaskan bahawa analisis data sebagai proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang dikumpul.

ANALISIS FILEM KAJIAN

Perbincangan isi kandungan filem ini memfokuskan naratif filem serta kategori dan tema berdasarkan kerangka teori filem sebagai ar-Risalah. Proses menganalisis setiap data filem tersebut menggunakan analisis kandungan kualitatif melalui analisis tema dan analisis naratif. Dua aspek dimensi visual berhubung dengan struktur naratif dibincangkan iaitu cerita dan plot serta watak dan perwatakan. Kedua-dua aspek ini dihubungkan dengan kategori dan tema filem hasil daripada proses pengekodan yang dijalankan.

CERITA DAN PLOT FILEM

Nur Kasih The Movie (2011)

Filem Nur Kasih The Movie berkisarkan tentang subjek persoalan percintaan, pengorbanan dan perpisahan serta kekeluargaan dalam jalur keislaman. Filem ini mengetengahkan tentang kisah tiga watak utama iaitu Adam, Nur Amina dan Aidil yang mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam menjalani hidup yang penuh konflik. Tema Nur Kasih The Movie juga mengangkat perlunya hubungan dengan Allah kerana semua yang berlaku ada hikmahnya. Bermula dengan Aidil yang telah kematian isterinya dan telah memberikan kesan yang hebat kepada dirinya dalam membesarakan dua orang anaknya, Ilyas dan Maryam. Adam dan Nur walaupun bahagia tetapi bergelut dengan ujian kesukaran untuk menimang cahaya mata. Akibat tidak mempunyai anak, Adam dan Nur Amina telah menjadi sukarelawan di Kelab Remaja dan Kanak-Kanak. Konflik filem ini juga bertambah apabila Nur Amina telah disahkan mengandung kemudian mengalami keguguran dan kehilangan Adam ketika mereka bercuti di Jordan.

Nur Kasih The Movie memaparkan jalan cerita yang menggunakan teknik imbas kembali (*flashback*) bergerak membawa perkembangan watak Adam, Nur Amina dan Aidil dengan baik. Setiap babak berkait dan membawa kepada pergerakan plot yang baik. Bahkan babak Adam, Nur Amina dan Aidil juga mempunyai kaitan bagaimana membentuk watak mereka sehingga menjadi orang tua. Paparan Nur Kasih The Movie sebagai satu perjalanan kehidupan manusia yang tidak

dapat lari daripada ujian namun ada hikmah yang sangat besar di sebalik ujian hidup tersebut. Terdapat intensiti kesan yang baik yang dipaparkan dalam filem ini. Jalan cerita Nur Kasih The Movie sedikit mengelirukan kerana menggunakan teknik imbas kembali. Walaupun begitu, jalan cerita ini mempunyai subjek yang asli melalui garapan naratif yang memasukkan elemen keagamaan. Nilai Islam yang ditonjol dalam Nur Kasih The Movie menggambarkan keindahan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar.

Watak dan Perwatakan

Adam teramat menyayangi dan mencintai isterinya, Nur Amina. Perwatakan Adam juga digambarkan seorang yang penyayang kepada anak-anak saudaranya. Seorang yang baik hati apabila menjadi sukarelawan mengajar dan membimbing kanak-kanak dan remaja yang terbiar dan bermasalah. Watak Nur Amina digambarkan sebagai seorang yang sangat setia kepada suaminya dan sentiasa berada di sisi suaminya, Adam. Nur Amina juga membantu Adam sebagai sukarelawan. Seorang yang bersopan santun, menjaga aurat namun mempunyai konflik dalam diri sendiri apabila mengalami keguguran. Watak Aidil sebagai abang kepada Adam yang telah kematian isterinya, Alya dan mempunyai dua orang cahaya mata iaitu Ilyas dan Maryam. Aidil digambarkan sebagai seorang yang tabah walaupun pada mulanya terlalu sedih dengan kematian isterinya. Perwatakan Aidil yang suka menolong juga digambarkan dengan jelas apabila sanggup membantu Nur Amina mencari Adam dan menggantikan Adam yang menjadi sukarelawan dalam membimbing remaja dan kanak-kanak ketika Adam sakit.

KATEGORI DAN TEMA FILEM KAJIAN

Analisis filem ini dilakukan bagi menjawab persoalan kajian tentang sejauhmana nilai agama dan moral di dalam sampel filem kajian menepati teori filem ar-Risalah. Empat kategori utama dikenal pasti iaitu paparan akhlak Islam, paparan ibadah dalam Islam, paparan akidah Islam serta paparan syariat Islam.

Paparan Akhlak Islam

Terdapat tujuh tema mengenai naratif cerita serta watak dan perwatakan yang memaparkan lakonan yang bercirikan akhlak Islam.

Memberi salam

- Babak Nur Amina memberi salam di telefon kepada doktor Alina setelah diberitahu yang dia disahkan mengandung.
- Ketika di pejabat Encik Iskandar, Nur Amina memberi salam.
- Ketika di hospital, Aidil memberi salam kepada Mamat sewaktu Mamat melawat Adam

Saling hormat menghormati

- Adam dan Aidil sangat menghormati ibu mereka.
- Sebagai adik beradik, Aidil dan Adam saling hormat menghormati dan menerima pandangan masing-masing.
- Sebagai seorang isteri, Nur Amina sangat menghormati Adam.
- Nur Amina masih tetap menghormati Encik Iskandar walaupun dia mempersoalkan tentang pemikiran Nur Amina yang dianggap sempit kerana menolak tawaran membina sebuah kelab untuk syarikatnya.

Sabar/Menahan Marah

- Adam mengajar dan membimbing remaja-remaja bermasalah dengan penuh rasa sabar.
- Babak di pusat perlindungan secara tiba-tiba Jamal menghentak tangannya ke dinding sebagai tanda protes apabila melihat Julia dan Mamat bersama Adam dan Nur Amina. Namun, mereka mengambil sifat sabar dan menahan marah.

Berkasih sayang

- Lakonan watak kehidupan keluarga Adam dan Aidil yang saling hidup dalam berkasih sayang.
- Aidil dan Adam sangat menyayangi ibu mereka.
 - o Babak Aidil dan Adam mengangkat ibu mereka dari kerusi.
 - o Babak Aidil mengurut kaki ibunya.

Tolong menolong

- Babak di rumah ketika Nur Amina disahkan mengandung. Adam menolong Nur Amina melakukan kerja-kerja rumah.
- Babak di Jordan. Nur Amina yang telah bantu untuk mencari Adam, telah meminta pertolongan daripada Aidil dan Aidil sanggup datang dari Malaysia ke Jordan untuk mencari Adam yang telah hilang.

Bersangka baik dengan Allah/Tawakkal

- Adam dan Aidil bersangka baik dengan Allah yang mana setiap musibah yang berlaku ada hikmahnya.
- Aidil menegur Adam yang kecewa dengan keguguran Nur Amina.
Aidil : Setiap ujian adalah peluang kita mendekatkan diri padaNya!
- Nur Amina dengan tegas menolak tawaran kerja daripada Encik Iskandar tentang pembinaan kelab. Nur Amina menegur Encik Iskandar tentang persoalan haram dan persoalan rezeki.
Nur Amina : Rezeki saya bukan di tangan encik! Tapi di tangan Tuhan.

Ikhlas

- Babak di Jordan. Aidil ikhlas membantu Nur Amina untuk mencari Adam yang hilang di padang pasir.
- Babak di pusat perlindungan. Mamat ikhlas memberi CD kesayangannya kepada Aidil untuk melatih dirinya supaya bersedekah sesuatu yang disayangi.

Paparan Ibadah dalam Islam

Tujuh tema mengenai naratif dan lakonan watak telah dikenal pasti yang dapat menjelaskan babak-babak ibadah di dalam filem Nur Kasih The Movie (2011). Paparan ibadah ini meliputi jenis ibadah khusus dan juga ibadah umum. Filem-filem ini mengetengahkan paparan ibadah yang mengangkat hubungan manusia dengan Allah secara langsung demi mencari keredhaan Allah.

Solat

- Ketika Adam mengejutkan Nur Amina untuk solat subuh.
- Babak solat ketika tiba di masjid Jordan.
- Babak solat berjemaah bersama-sama di mana Adam solat menggunakan kerusi roda ketika sakit.
- Babak solat tahajud Adam dan Nur Amina.

Membaca al-Quran

- Babak Aidil membaca al-Quran (Yaasin) di masjid.

Berzikir/Mengucap kalimah syahadah

- *Alhamdulillah!* Ketika Nur Amina diberitahu tentang kehamilan beliau. Begitu juga dengan Adam, ketika diberitahu yang Nur Amina mengandung.
- *Alhamdulillah!* Ketika Adam mendukung anaknya setelah mendapat peluang kedua untuk hidup.
- *SubhanaAllah!* Ketika Nur Amina dan Adam menyaksikan keindahan pemandangan dari keretapi di Jordan.

- *Astaghfirullah!* Ketika Adam mendapat mimpi buruk di Jordan.
- Aidil mengajar Mamat mengucap setelah nazak dipukul oleh Jamal.

Berdoa

- Doa ketika berlaku kemalangan

Adam: “*Ya Allah, tidak ada yang memberi kebahagian selain Engkau, tidak ada yang mengambil kesedihan selain Engkau. Aku memohon kepada-Mu ya Allah, jangan Kau ambil nyawanya. Aku rela berkorban apa sahaja kecuali dia ya Allah. Kau ambillah apa sahaja kecuali dia ya Allah!*”
- Nur Amina berdoa selepas solat untuk mendapatkan zuriat.
- Babak di antara Adam dan ibunya, yang sentiasa mendoakan Adam.

Mak: *Mak sentiasa doakan Adam setiap kali solat!*

Selawat

- Hajah Khadijah (ibu Adam) berselawat sambil mendukung anak Adam dan Nur Amina.

Kewajipan menuntut ilmu (pendidikan)

- Babak Adam dan Aidil mengajar remaja-remaja yang bermasalah di pusat perlindungan.

Perkahwinan (munakahat)

- Perkahwinan yang menghalalkan hubungan di antara Adam dan Nur Amina serta perkahwinan Aidil dan Alia.

Paparan Akidah Islam

Terdapat dua tema iaitu tunjang akidah kepercayaan kepada Allah dan percaya kepada qada' dan qadar yang dipaparkan dalam semua filem.

Kepercayaan kepada Allah

- Babak di tangga rumah ketika Adam tidak dapat menerima ujian dari Allah dan kecemasan kerana Nur Amina mengalami keguguran.

Menunaikan solat merupakan simbol kepercayaan setiap muslim kepada Allah. Filem yang dikaji memaparkan ibadah solat sebagai tunjang keyakinan dan kepercayaan sebagai seorang

muslim terhadap yang Maha Pencipta iaitu Allah. Filem Nur Kasih The Movie (2011) menunjukkan kepentingan solat sebagai seorang muslim sekaligus memaparkan tunjang kepercayaan akidah kepada Allah.

- Solat berjaya mendekatkan diri Adam dan Nur Amina kepada Allah. Mereka percaya dengan segala ketentuan Allah.

Kepercayaan kepada qada' dan qadar

- Babak ketika Nur Amina dan Adam tiba di Jordan.
Nur Amina: "Ya Allah! Aku bahagia di rumah-Mu. Aku pasrah ketentuan-Mu. Sesungguhnya hanya Engkau Maha Mengetahui, Maha Pengasih dan Maha Penyayang".

Paparan Syariat Islam

Filem ini membincangkan empat tema utama yang berkaitan dengan syariat Islam.

Solat (walau dalam apa keadaan sekali pun)

- Babak Adam solat berjemaah dalam keadaan sakit menggunakan kerusi roda di rumah yang diimani oleh abangnya, Aidil.

Soal halal dan haram

- Nur Amina menolak pekerjaan yang ditawarkan oleh Encik Iskandar untuk pembinaan kelab yang bercampur dengan unsur haram.

Menutup aurat

- Lakonan watak Nur Amina menampilkan perwatakan yang menutup aurat walaupun tidak sepenuhnya.

Pergaulan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram

- Aidil memanggil Nur Amina apabila Julia datang berjumpa dengannya untuk menyatakan sesuatu.
- Babak ketika di pejabat, di mana Encik Iskandar menghulurkan tangan untuk bersalam dengan Nur Amina namun, Nur Amina mengelak dan tidak menyambut tangan Encik Iskandar.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis tema dan analisis naratif yang telah dijalankan, wujud elemen patuh syariah di dalam filem kajian ini yang menepati perbincangan konstruk teori filem ar-Risalah. Daripada analisis tema, terdapat tujuh tema daripada paparan akhlak Islam dan paparan ibadah. Konsep akidah juga menjadi intipati tema yang dibahaskan dan terdapat dua tema utama iaitu mengenai konsep kepercayaan kepada Allah dan percaya kepada qada' dan qadar. Hasil analisis tema juga mendapati empat tema utama di bawah paparan syariat Islam. Paparan imejan di dalam filem kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam masih berpegang teguh dengan nilai agama dan moral budaya masyarakat setempat. Menurut Ramli (2013), masyarakat yang dibina di atas dasar akidah Islam ialah masyarakat yang sentiasa memberikan ketundukan dan kepatuhan tanpa soal terhadap ketetapan Allah Taala. Melalui lakonan watak seperti Adam, Aidil dan Nur Amina (Nur Kasih The Movie) menunjukkan mereka berakhhlak dengan akhlak Islam. Ini bertepatan dengan apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW mengenai akhlak;

“Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”
(Hadis Riwayat Mali, Ahmad Hakim, At-Tabrani dan Bukhari)

Hasil kajian ini turut membuktikan peranan filem yang berunsurkan keagamaan dalam mengetengahkan aspek ibadah yang dituntut di dalam Islam. Paparan ibadah ini menunjukkan bahawa keperluan cara hidup yang seharusnya diamalkan oleh setiap muslim. Ibadah-ibadah khusus seperti solat, membaca al-Quran, zakat, zikir dan doa dipaparkan sebagai kewajipan farduan. Manakala, ibadah umum seperti menuntut ilmu (pendidikan), perkahwinan (*munakahat*) dan tanggungjawab keibubapaan turut dipaparkan. Yusuf (2007) menjelaskan bahawa tema filem mestilah bersih dari unsur-unsur kemaksiatan atau hal bercanggah dengan syariat dan etika Islam. Sebaliknya, untuk filem yang merangsang, mendorong kemaksiatan, kejahatan, fikiran yang menyesatkan dan menimbulkan impak negatif maka tentu sahaja itu adalah haram. Tidak menyebabkannya mengabaikan kewajipan agama dan dunia seperti sembahyang.

Nilai agama yang menjadi pegangan muslim iaitu solat turut diangkat sebagai intipati ibadah yang sangat penting. Bahkan di dalam filem Nur Kasih The Movie (2011) memaparkan babak solat berjemaah yang mana Adam bersolat dalam keadaan berkerusi roda. Ini menunjukkan kewajipan solat perlu ditunaikan walau dalam apa keadaan sekalipun yang menjadi fardu ke atas setiap muslim. Hasil kajian turut mendapati bahawa dengan mengerjakan solat, watak dan perwatakan lebih baik. Dalam filem Nur Kasih The Movie, lakonan watak Adam, Aidil dan Nur Amina yang lebih yakin kepada Allah di atas ujian yang menimpa mereka melalui solat yang tidak pernah mereka lalaikan. Ini bertepatan dengan Firman Allah SWT tentang solat; yang bermaksud:

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun), sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya), dan Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.” (al-An’kabut, ayat 45)

Manakala, paparan konsep akidah yang didapati dalam ini menjadi bukti penginterpretasian keimanan dan ketauhidan kepada terhadap Allah. Fauzi & Khairul Naim (2012) berpendapat bahawa prinsip akidah yang tetap teguh menjadi asas kepada syariat dan jika lalu syariat itu diamalkan akan membawa manfaat yang besar kepada kehidupan manusia. Ini dapat dilihat melalui lakonan watak utama seperti Adam, Aidil dan Nur Amina (Nur Kasih The Movie) yang percaya dengan segala ketentuan Allah SWT. Allah telah berfirman yang bermaksud;

“Sampai waktu yang ditentukan, lalu Kami tentukan (bentuknya), maka Kami-lah sebaik-baik yang menentukan.” (al-Mursalat: 22-23)

Filem ini turut memaparkan aspek syariat Islam yang menjelaskan konsep halal dan haram di dalam Islam, hukum menutup aurat dan juga pergaulan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Namun, dari aspek naratif ruang keagamaan yang dikupas di dalam filem kajian ini masih belum menepati syariat Islam sepenuhnya. Pemahaman tentang hukum dan syariat Islam diangkat secara pecahan agama sahaja tanpa mengupasnya secara mendalam. Sebagai contohnya kewajipan menuntut aurat yang tidak difahami secara keseluruhan yang didapati dalam filem ini. Lakonan

watak terutamanya watak dan perwatakan pelakon wanita tidak digambarkan menjaga aurat sepenuhnya. Ini dapat dilihat melalui perwatakan Nur Amina (Nur Kasih The Movie). Begitu juga dengan aspek pergaulan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Lakonan yang dipaparkan tidak menghalalkan hubungan yang wujud di dalam filem seperti yang dilihat melalui hubungan suami isteri di antara Adam dan Nur Amina (Nur Kasih The Movie). Naim (2011) menjelaskan aspek naratif dalam sesebuah filem dan aspek mesej-cerita seharusnya menyeluruh yang tidaklah hanya terhad kepada dialog sahaja.

Hasil kajian ini juga mendapati akhlak Islam yang dipaparkan melalui nuansa bahasa naratif dan imejan lakonan watak menunjukkan bahawa filem kajian mengetengahkan contoh akhlak yang selari dengan apa yang dibincangkan oleh al-Ghazali (2000) seperti sabar, beramanah dan juga belajar memaafkan orang lain. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa lakonan watak yang tidak menjaga batas akhlak Islam, kepincangan memahami konsep ibadah dalam Islam, tutur dialog yang menjelaskan akidah dan juga pemahaman syariat Islam secara serpihan yang turut dipaparkan di dalam filem kajian ini menjelaskan reputasi filem yang berunsurkan keagamaan (Islam). Ini kerana, pengkaji mendapati bahawa terdapat adegan dan babak yang dipaparkan mencacatkan elemen patuh syariah sebagai filem yang mengangkat sisi moral dan agama berdasarkan konsep dakwah Islamiah. Ini kerana telah prinsip *amar ma'aruf* dan *nahi mungkar* tidak dipenuhi secara bersama sebagai konsep dakwah Islamiah seperti yang telah dijelaskan oleh al-Ghazali (2000) dan al-Qaradhawi (1978).

Pengkaji turut berpendapat bahawa wujud ketidakseimbangan paparan konstruk teori filem sebagai ar-Risalah yang didapati dalam filem ini. Ini kerana di samping mengangkat nilai agama dan moral yang bertepatan dengan Islam, filem tersebut turut memaparkan babak-babak yang tidak menepati elemen teori ar-Risalah. Sebagai contohnya di dalam filem Nur Kasih The Movie (2011), wujudnya percampuran di antara adegan kebaikan (*maaruf*) dan juga kemungkaran iaitu di samping babak solat, mengaji dan juga akhlak kehidupan sebagai seorang muslim, terdapat juga babak yang memaparkan secara jelas mengenai adegan pergaulan bebas di antara lelaki dan

perempuan yang bukan mahram. Dalam filem ini juga terdapat babak yang memaparkan cara hidup pemuda Islam yang berkiblatkan budaya Barat, adegan yang mempersoalkan kepentingan agama, pemikiran keras daripada watak ustaz serta melanggar syariat Islam dengan pergaulan bebas dan tidak menutup aurat. Hujah ini menyokong apa yang telah dibincangkan oleh Al-Jazairiy (2010) mengenai kewajipan menerima syariat Islam secara keseluruhan yang mana perbuatan melakukan pengurangan terhadap ajaran Islam atau melakukan penambahan terhadapnya adalah haram. Ini bertepatan dengan Firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan.” (al-Baqarah: 208)

Justeru, pengisian dan garapan isi kandungan patuh syariah sebagai filem yang mengambarkan nilai agama Islam yang sebenar harus dipantau. Scenario ini mengukuhkan hujah yang mana menuntut kepada keperluan dakwah dalam sesebuah masyarakat (Ab. Aziz 1997) iaitu seperti masyarakat yang sakit, kejahilan manusia dan juga sebagai memikul amanah Allah. Wan Amizah et al. (2011) menyatakan bahawa adegan yang mengandungi babak, lakonan dan dialog bercanggah dengan pekerti mulia sesuatu agama atau jantina dan merendahkan kedudukan moral sesuatu kaum mestilah dipotong. Naim (2011) turut berhujah;

Aspek naratif yang menyemarakkan kebatilan, mengagungkan falsafah dan nilai Barat, sekularisme dan hedonisme yang tidak mendorong kepada pengembangan pemikiran dan minda, yang tidak menepati erti ‘Filem Kita Wajah Kita’, ‘Citra Budaya Negara Bangsa’ dan ‘Citra Agama Budaya Bangsa’ dan yang bertentangan dengan segala norma kehidupan, tatasusila budaya dan agama adalah ‘batal’ dan tidak menepati sebagai filem Islam daripada aspek pengisian dan garapannya....Hanya sekadar menyelitkan beberapa unsur Islam atau perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam, ia tidak akan menjadikan filem tersebut sebagai sebuah filem Islam yang sebenar”.

KESIMPULAN

Penghasilan filem yang baik seharusnya mempunyai mesej kepada masyarakat selaras dengan peranan filem sebagai agen media komunikasi. Oleh itu, elemen patuh syariah wajar diangkat terutama dalam filem berbentuk keagamaan. Berdasarkan dapatan hasil kajian ini membuktikan wujudnya masa depan yang cerah dalam mengangkat patuh syariah dalam filem khususnya filem 18

yang berunsurkan keagamaan. Walaupun filem kajian masih tidak menepati secara keseluruhan konsep teori filem ar-Risalah, tetapi pembikinannya memberi peluang yang baik dalam menyebarkan Islam melalui medium filem. Melalui konsep dakwah *amar ma'ruf nahi mungkar*, sasaran dakwah perlu didedahkan dengan nilai agama yang benar sebagai pegangan hidup mereka.

BIODATA

Rosmawati Mohamad Rasit merupakan Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM. Bidang penyelidikan dakwah dan media komunikasi. Antara buku terbarunya Garis Panduan Patuh Syariah dalam Filem.

Azimah Misrom merupakan pelajar Sarjana di Fakulti Pengajian Islam UKM, sedang menjalankan penyelidikan bidang filem patuh syariah. Emel: gmah_19191@yahoo.com

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Aziz Ittar. 7 Disember 2007. Majid Majidi Bidas Filem Hollywood.
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1207&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm [25 November 2014].
- Abu Hassan Hasbullah. 23 Julai 2009. Filem Tempatan Perlu Ada Nilai Tanggungjawab Kemasyarakatan.
http://www.umlib.um.edu.my/newscut_details.asp?cutid=387#sthash.WzYWmcMP.dpbs [4 September 2015].
- Abu Hassan Hasbullah. 2000. Sinema realisme: Representasi dan reproduksi realiti. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*, Jilid 3, No.1: 37-55.
- Abu Hassan Hasbullah. 2006. Filem sebagai ar-Risalah-menemukan keimanan dan kebijakan dramaturgi wayang gambar Melayu. *Seminar Penulisan Dramatik*, 2-3 Disember.
- Ainon Mohd. 2011. *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusof*. Selangor : PTS Profesional 2011.
- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' 'ulum al-din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Jazairiy, Jabir. 2010. *Tafsir maudhu'i 90 laluan mudah ke syurga*, Vol.1. Dlm. Arsil Ibrahim. (Terj.). Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Asiah Sarji. 2009. Pembangunan Industri Perfileman Malaysia dalam Konteks Pendekatan Islam Hadhari. Dlm. Mohd Safar Hasim dan Zulkiple Abd. Ghani (ed.). *Komunikasi Di Malaysia Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, hlm.193-218. Bangi: Institut Islam Hadhari.

- Dusuki Ahmad. 2011. Menerapkan Nilai Agama Dan Keprihatinan Umat Dalam Filem Dan Drama. Dalam Nor Hartini Saari (Ed.), *Pemerkasaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat* (hlm.69-80).
- Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim dan Faridah Ibrahim. 2014. Malaysian Film Industry In Transformation: Challenges and Potential. *Jurnal Komunikasi* 30(1): 37-51.
- Janet Harbord. 2002. *Film Cultures*. London : SAGE Publicationc Ltd.
- Jill, Nelmes. 2007. *Introduction to Film Studie*. Edisi ke-4. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Marina Munira Mutualib, Suhailiza Md. Hamdani, Khatijah Othman, dan Roslizawati Mohd Ramli. 2011. Tugas dan Tanggungjawab Media Islam dalam Pembangunan Insan. Dalam Muhamad Zaki Mustafa et. al (Eds.), *Representasi Islam dalam Media* (hlm. 49). Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohd.Syukri Hanapi. 2012. Kreatif Guna Media Boleh Sebar Dakwah Secara Berkesan. *Berita harian*, 21 Oktober hlm. 35.
- Mustafa Masyhur. 2010. *Jalan Dakwah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar
- Naim Ahmad. 2010. Filem Islam: Satu Perbicaraan. Kertas Kerja Bengkel Fiqh Penyiaran. Anjuran JAKIM, TV Hijrah dan FDAM. ILIM, Bangi, 20 Jun
- Naim Ahmad. 2011. Filem Islam Satu Pembicaraan. Selangor: Uni-N Production Sdn. Bhd
- Nor Hazriani Razali & Rosmawati Mohamad Rasit. 2014. Filem Patuh Syariah Wasilah Dakwah Masa Kini. Dlm. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah & Muhamad Faisal Ashaari (pnyt.). *Dakwah, Media & Masyarakat*, hlm. 109-119.
- Norman Yusof. 2014. Hubungan Sinema dan Islam dari Perspektif Genre. Kertas Kerja Pembentangan Seminar Filem Islam: Falsafah Nilai dan Cabaran. Anjuran Pusat Antarabangsa Kebudayaan Islam Universiti Islam Antarabangsa (Citra UIAM) dan FINAS. 22 April 2014.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*, Cet. Ke-3. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli Awang. 2013. *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Kuala Lumpur: UTM
- Rasdan. 2013. Utusan Malaysia. <http://blis.bernama.com/getArticle.do?id=32870&tid=103&cid=3> [7 April 2013].
- Rosmawati Mohamad Rasit, Md. Salleh Hj. Hassan, Mohd, Nizam Osman dan Muhammad Sham Shahkat Ali. 2012. Relationship Of Viewing Islamic Based Films With Pro-Social Personality Among Teenaged Audience. *Jurnal Komunikasi* 28 (1): 107-120.

- Roy Armes. 1974. *Film and Jill*, Nelmes. 2007. *Introduction to Film Studie*. Edisi ke-4. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Salasiah Hanin Hamjah & Muhamad Kasim Mat Yatin. 2014. Analisis Unsur Khurafat dalam Filem Melayu Dari Perspektif Islam. Dlm. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah & Muhamad Faisal Ashaari (pnyt.). *Dakwah, Media & Masyarakat*, hlm. 120-133.
- Syed Muhammad Al-Dawilah el-Edrus & Mohd Lutfi Solehan. 2009. *Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi*. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti, Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM, 2-9 Disember
- Syed Zulkifli Syed Zakaria. 22 Jun 2010. Buat Filem Juga Dakwah. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0622&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm&arc=hive [4 September 2015].
- Syed Zulkifli Syed Masir. 2010. Melahirkan strategi kerja kreatif filem dan TV pematuhan syariah. Kertas kerja Bengkel Fiqh Penyiaran. Anjuran JAKIM, TV al-Hijrah & FDAM. ILIM, Bangi 20 Jun.
- Wan Amizah, Faridah Ibrahim, Fuziah Kartini, Hassan Basri dan Normah Mustaffa. 2011. Perkembangan Undang-undang Penapisan Filem di Malaysia 1924-1952. *Jurnal Komunikasi* 27(1): 34-52.
- Yusuf Al-Qardhawi. 2007. Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Zhang, Yan.& Wildemuth, Barbara. M. 2009. Qualitative analysis of content. Dlm. B. Wildemuth. (Ed.), *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science* (hlm.308-319). Westport, CT: Libraries Unlimited. http://www.ischool.utexas.edu/~yanz/Content_analysis.pdf [1 September 2014]